



KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA
21 JUN 2025

**CO-OPBANK PERTAMA (CBP) AGIH RM88.52 JUTA SEBAGAI
BAYARAN DIVIDEN 2024**

1. Co-opbank Pertama (CBP) hari ini mengumumkan kadar dividen sebanyak 6.5% bagi tahun kewangan 2024. Pengumuman ini dibuat semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) yang ke-65.
2. Pembayaran dividen ini akan dibayar selepas MAPT yang diadakan pada 21 Jun 2024 dan para anggota boleh membuat semakan akaun simpanan melalui Aplikasi HELOCBP mulai 23 Jun 2025.
3. Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairil Anuar Mohammad Anuar dalam satu kenyataan berkata, pengumuman kadar dividen 6.5% ini adalah setelah ditolak zakat melibatkan agihan sebanyak RM 88.52 juta dengan lebih 95 ribu anggota CBP layak menerima manfaat ini. Bagi tahun 2024, prestasi CBP adalah lebih baik dengan keuntungan yang dicapai sebanyak RM 124.29 juta, iaitu 3.1% lebih tinggi berbanding tahun 2023.
4. Tambah Khairil Anuar lagi, "Dengan prestasi yang cemerlang ini, CBP akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota dan pelanggan CBP dalam perkhidmatan secara digital menerusi Aplikasi HELOCBP dan memperluaskan lagi produk CBP untuk menyokong pertumbuhan serta pengembangan perniagaan yang pesat. Jumlah dividen 6.5% adalah tinggi dan baik berbanding kadar dividen yang diagihkan oleh institusi kewangan lain memandangkan dividen yang diterima oleh anggota CBP telah pun dilunaskan zakat."
5. CBP juga secara rasminya telah berpindah ke Wisma Co-opbank Pertama Kampung Bharu, Kuala Lumpur pada awal tahun 2025. Perpindahan ini adalah selari dengan ulangtahun CBP yang ke-75 pada 7 Jun 2025 yang lepas. Dengan adanya Wisma Co-opbank Pertama ini, kami berharap dapat memudah dan menyenangkan pelanggan yang hadir ke Cawangan Kuala Lumpur dengan fasiliti CBP yang baharu.

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah bank. CBP mempunyai 35 buah cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk Pembiayaan Individu, Koperasi serta Korporat, Ar-Rahnu, Deposit, Syer Keanggotaan serta Takaful dan Wasiat Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Jabatan Komunikasi Korporat Co-opbank Pertama

ukk@cbp.com.my